

SOALAN NO: 101

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK**  
**MOHAMAD [ PASIR PUTEH ]**  
**TARIKH : 1 OGOS 2017**  
**SOALAN : 112**

**YB Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikutan tekanan hidup rakyat hari ini, dengan permasalahan kehidupan yang ditanggung sehingga menyebabkan ada rakyat yang sanggup membunuh diri disebabkan tidak berkeupayaan menahan tekanan kehidupan, di manakah usaha Kerajaan untuk membendung supaya perbuatan membunuh diri ini tidak berleluasa. Apakah sebab-sebab utama bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Sejumlah 425 kes bunuh diri dilaporkan pada tahun 2015, dimana menggantung diri adalah kaedah bunuh diri yang paling biasa. Statistik ini termasuk remaja, dewasa dan orang tua. Antara sebab-sebab utama bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia adalah;

- Prestasi akademik yang tidak memuaskan

- Gangguan psikologi dan kesihatan mental, terutamanya kemurungan dan gangguan personaliti,
- Penyalahgunaan substan dan /atau alkohol
- Sejarah penganiayaan
- Sejarah keluarga bunuh diri
- Perasaan putus asa
- Masalah kewangan
- Masalah perhubungan
- Pengasingan atau kurang sokongan sosial
- Akses mudah ke kaedah / cara bunuh diri dan
- Pendedahan kepada orang lain yang telah membunuh diri

Bagi mengatasi masalah tersebut , Kementerian telah mengambil langkah-langkah pencegahan dan perawatan seperti berikut;

I. Promosi Kesihatan Mental dan Advokasi

Kementerian Kesihatan melalau program kesihatan mental telah melaksanakan beberapa akitviti bagi meningkatkan kesedaran awam melalui sambutan hari kesihatan mental sedunia dan Hari Pencegahan Bunuh Diri sedunia semenjak tahun 2004. Antara aktiviti yang dijalankan termasuklah memberi kemahiran kepada komuniti menangani stress, forum awam, seminar, ceramah di media masa, penulisan artikel di media cetak.

II. Bagi mempertingkatkan kemahiran menangani stres di kalangan komuniti, usaha-usaha mempromosikan kesihatan mental dan mencegah penyakit mental dilaksanakan melalui latihan kemahiran daya tindak dan aktiviti pemerksaan komuniti di mana elemen

menangani stres dimasukkan sebagai salah satu komponen dalam KOSPEN.

- III. Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Program Menangani Stres di Tempat Kerja melalui KOSPEN PLUS bagi membantu warga kerja untuk menangani stres.
- IV. KKM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan juga sedang melaksanakan Program Minda Sihat dalam kalangan murid Tingkatan 4 di 2343 buah sekolah menengah seluruh negara. Program Minda sihat sekolah dikendalikan dengan menjalankan saringan DASS untuk mengetahui status kesihatan murid sekolah menengah bagi mengenalpasti tahap stress, keresahan dan kemurungan. Jika di dapati tahap stress, keresahan dan kemurungan adalah berlebihan murid berkenaan akan dirujuk untuk perkhidmatan kaunseling atau ke klinik kesihatan untuk rawatan lanjut oleh pakar kesihatan keluarga atau pegawai perubatan. KKM juga akan merancang untuk meluaskan saringan minda sihat kepada pelajar kolej komuniti di seluruh negara.
- V. Kementerian menyediakan perkhidmatan psikiatri, empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Bagi membendung kejadian bunuh diri, antara usaha yang dilakukan oleh pakar psikiatri adalah:
  - a. Sesi kaunseling dan psikoterapi diberikan oleh pakar psikiatri kepada individu yang mengalami kemurungan

b. Individu-individu ini juga akan dirawat oleh pegawai perubatan bagi menguruskan punca-punca stres bagi masalah yang mereka alami.

- VI. Di peringkat kesihatan primer juga terdapat sebanyak 671 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental. Saringan kesihatan mental untuk tahap stress, keresahan dan kemurungan juga sedang dikendalikan. Pakar Kesihatan Keluarga di peringkat primer juga memberikan perkhidmatan dan rawatan dari aspek kaunseling dan *psychoeducation* seperti kaedah pengurusan stres dan kemurungan dan Pakar Kesihatan Keluarga telah menerima latihan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri oleh pihak psikiatri.
- VII. Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan latihan anggota kesihatan primer dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan masalah mental atau keinginan untuk membunuh diri agar intervensi awal dapat diberi.
- VIII. Kementerian telah mewujudkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI) bagi memberi perkhidmatan saringan, pengesanan awal, rawatan dan rehabilitasi di peringkat komuniti.
- IX. Sehingga Disember 2015, sebanyak 20 buah Pusat Kesihatan Mental Masyarakat telah ditubuhkan di seluruh Malaysia. Selain itu, lebih daripada 800 klinik kesihatan kerajaan memberikan perkhidmatan kesihatan mental merangkumi promosi, saringan, intervensi, rawatan susulan dan rehabilitasi psikososial.

- X. KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling serta pendidikan keluarga (Carers Education) yang mempuyai waris yang mengidap penyakit mental mengenai cara pengendalian penjagaan pesakit mental di rumah.
- XI. Kementerian telah juga menerbitkan bahan-bahan pendidikan kesihatan/IEC (Information, Education dan Communication) dalam bentuk risalah dan poster berkaitan kesihatan mental, penyakit mental dan pencegahan bunuh diri bagi memberi pengetahuan kepada masyarakat tentang penjagaan kesihatan mental dan pencegahan penyakit mental. Di antaranya adalah risalah dan poster dengan tajuk Cegah Bunuh Diri "Sayangi nyawa, Hidupkan Harapan atau Prevent Suicide: Saving Lives, Restoring Hope". Bahan-bahan ini juga diterbitkan dalam Bahasa Cina dan Tamil.
- XII. Kementerian juga mewujudkan satu laman web portal kesihatan semenjak tahun 2006 dimana masyarakat boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang kesihatan mental, tanda-tanda awal penyakit mental dan pencegahan bunuh diri dengan melayari laman sesawang kementerian [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my) atau [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my)
- XIII. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dengan sokongan dari Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Persatuan Antarabangsa Pencegahan Bunuh diri (international Association for Suicide Prevention, IASP) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Pelan Tindakan dan Strategik Kebangsaan Pencegahan Bunuh Diri. (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*).

- XIV. Kementerian telah melaksanakan inisiatif pembentukkan garis panduan Pelaporan Media tentang bunuh diri di Malaysia (Guidelines for Media Reporting on Suicide in Malaysia) dalam tahun 2005 dengan tujuan memberi panduan kepada media tentang pelaporan bunuh diri oleh media sebagai contohnya kejadian bunuh tidak seharusnya dilaporkan di bahagian muka hadapan surat khabar.
- XV. Kementerian Kesihatan bersama-sama dengan agensi bukan kerajaan seperti Befrienders sedang berusaha untuk memberikan perkhidmatan kaunselling 24 jam serta membantu dalam pengumpulan dan pelaporan data cubaan bunuh diri.